# AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)
# SEKSYEN 140

1. Untuk membolehkan pihak berkuasa tempatan mentaksirkan nilai pegangan-pegangan yang kena ditaksirkan, pihak berkuasa boleh menghendaki pemunya atau penduduknya memberi penyata-penyata mengenai luasnya, tempat letaknya, kualilitinya, guna dan sewanya dan memberi segala maklumat yang perlu untuk menyediakan Senarai Nilaian atau pun bagi maksud nilaian itu, dan bagi maksud yang serupa pihak berkuasa tempatan atau seorang yang dilantik olehnya bagi maksud itu boleh, pada bila-bila masa memasuki dan memeriksa dan, jika perlu, mengukurnya.

2. Seseorang yang:-

   a) Enggan atau tidak memberi penyata atau maklumat itu dalam tempoh dua minggu dari tarikh diterima notis menghendakinya berbuat demikian.

   b) Dengan diketahuinya membuat suatu penyata palsu atau tidak betul atau memberi suatu maklumat palsu dan tidak betul.

   c) Merintangi, menghalang atau menahan pihak berkuasa tempatan atau seseorang yang dilantik olehnya daripada memasuki, memeriksa atau mengukur mana-mana pegangan itu;

   Boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.